

Envo Diesel boleh atasi kenaikan harga minyak — PM

# Bahan api bio dilancar

UM-22/3/2006

Oleh HELMI MOHD. FOAD

**PUTRAJAYA** 21 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan penggunaan biodiesel adunan minyak sawit keluaran tempatan, Envo Diesel, yang dilihat mampu menjadi sumber bahan api baru bagi negara pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, sebagai langkah awal, penggunaan bahan api bio yang dimajukan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) itu dibuat secara berperingkat-peringkat bermula dengan kenderaan agensi kerajaan terpilih sebelum diperluaskan kepada kenderaan awam menjelang tahun 2007.

Katanya, kumpulan perintis yang akan menggunakan bahan api bio itu ialah kenderaan Kementerian Pertahanan, Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan agensi di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

“Dasar bahan api bio negara juga menekankan pengeluaran biodiesel untuk eksport serta pengkomersialan teknologi bahan api bio hasil penyelidikan tempatan.


“Kita harus menggunakan kekuatan kita dalam industri minyak sawit untuk memelopori industri bahan api bio sebagai satu sektor pertumbuhan baru bagi negara,” katanya ketika melancarkan Envo Diesel di Dataran Putrajaya, di sini.

Bahan api bio yang dibangunkan oleh MPOB sejak 1984 itu merupakan adunan lima peratus minyak sawit diproses (B5) dan 95 peratus diesel petroleum.

Pada Ogos 2005, kerajaan mengumumkan hasrat menggubal dasar bahan api bio negara untuk menggalakkan penggunaannya berasaskan sumber alam yang boleh diperbaharui.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Ah Kui; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Perdana Menteri berkata, penggunaan bahan api bio secara strategik dan holistik membolehkan negara mengatasi kemelut harga minyak mentah dunia selain menjamin bekalan sumber tenaga yang mapan



**ABDULLAH** Ahmad Badawi mengisi minyak Envo Diesel ke dalam tangki trak Angkatan Tentera Malaysia pada majlis pelancaran Envo Diesel (B5) di Dataran Putrajaya, Putrajaya, semalam.

Gambar **ABDUL NAZIR MOHAMED**